

Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kangar Perlis & Unit Pengurusan Korporat dan Integriti, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

28 Julai – YBrs. Encik Raziff bin Yaacob, Setiausaha Majlis Perbandaran Kangar Perlis diiringi Kakitangan Majlis Perbandaran Kangar Perlis dan Unit Pengurusan Korporat & Integriti, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah mengadakan lawatan kerja ke Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Lawatan kerja ini bertujuan bagi mendekati INSTUN dengan lebih dekat terutamanya dalam Pengurusan dan Perundungan Tanah serta mencari peluang bagi bekerjasama dengan INSTUN.

Sesi lawatan ini dimulai dengan sesi bergambar bersama pihak Pengurusan INSTUN dan menandatangai buku pelawat. Seterusnya, YBrs. Encik Raziff bin Yaacob telah dibawa ke bilik persidangan bagi sesi taklimat INSTUN. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN.



